

PELAJARAN 2: AKIDAH MENURUT ISLAM (BUKU TEKS MS 13-21)**Soalan 1 hingga soalan 6**

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

Zabur	Al-Kitman	Berdoa	Aqli
Fatonah	Berzikir	Naqli	Injil

- _____ ialah senjata orang mukmin.
- Kitab _____ diturunkan kepada Nabi Isa a.s.
- Dalil _____ ialah dalil yang bersumberkan nas al-Quran dan al-Sunnah.
- Dalil _____ ialah dalil yang lahir daripada akal yang sejahtera.
- _____ bermaksud bijaksana yang merupakan salah satu daripada sifat wajib bagi rasul.
- Salah satu sifat mustahil bagi rasul ialah _____ bermaksud menyembunyikan sesuatu.

Soalan 1 hingga soalan 6


Tulis istilah yang betul bagi pernyataan berikut.

Nabi	Akidah	Tawakal	Muhasabah
Berzikir	Rasul	Mujahadah	Taubat

- Keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaan-Nya berdasarkan dalil naqli dan aqli.
- Lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu kepadanya dan tidak diperintahkan menyampaikan kepada orang lain.
- Lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu dan diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain.
- Menilai dan melihat kekurangan diri.
- Berusaha bersungguh-sungguh melawan nafsu.
- Menyesal dan tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan.

Soalan Rajah

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan konsep akidah.




A ialah _____

B ialah _____

Soalan Rajah

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan kitab yang diturunkan oleh Allah SWT.



C ialah _____

D ialah _____

E ialah _____

Soalan 1 hingga soalan 4

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

1. Seseorang yang bertaubat akan menyerahkan segala-galanya kepada Allah SWT setelah berusaha dan berdoa. ☐
2. Pelaksanaan amalan akidah mengikut syarak akan membentuk jati diri sebagai Muslim sejati. ☐
3. Sifat Allah SWT banyak dan terbatas jumlahnya. ☐
4. Orang yang bertawakal sentiasa menyakini ketentuan baik daripada Allah SWT. ☐